



ZAHARMIRZUAN Azlan menerima trofi dan replika cek daripada Dr. Rais Yatim di samping Datin Seri Masnah Rais (kanan) selepas diumumkan juara *Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2009* di Angkasapuri, Kuala Lumpur, baru-baru ini. Gambar ROY AZIS ABD. AZIZ

Berjaya kerana dorongan ayah

Oleh ABD. AZIZ ITAR
aziz.itar@utusan.com.my

DALAM dunia yang serba moden hari ini, kebanyakan remaja lebih dipengaruhi dan meminati muzik lagu-lagu popular yang dibawakan dari Barat.

Bagaimanapun, tidak semua remaja yang terdorong ke arah itu, sebaliknya ada juga yang sejak dari kecil lagi telah diasuh meminati lagu-lagu tradisional.

Juara *Pertandingan Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2009* Kategori Lelaki, Zaharmirzuan Azlan misalnya, amat meminati lagu-lagu Melayu asli sejak dari kecil hasil dorongan bapanya, Azlan Goli.

"Sejak dari kecil saya lebih banyak terdedah dengan lagu-lagu Melayu asli. Apatah lagi, ayah saya juga merupakan penyanyi lagu-lagu Melayu asli.

"Sampai sekarang ayah saya masih menyanyi. Mungkin daripada situlah saya mula meminati lagu-lagu asli," katanya ketika ditemui selepas

berakhirnya pertandingan itu di Auditorium Perdana, Angkasapuri, Kuala Lumpur, Ahad lalu.

Menurut remaja berusia 19 tahun ini, selain meminati lagu-lagu tradisional Melayu, beliau juga akan menggunakan kemenangannya itu bagi mengembangkan konsep lagu-lagu tersebut.

Malah, beliau turut menggunakan pertandingan itu bagi mempertingkatkan lagi mutu nyanyiannya selain menimba ilmu serta pengalaman menyanyikan lagu-lagu Melayu asli.

"Saya masuk pertandingan ini pun kerana mahu mencari lebih banyak pengalaman menyanyi. Ini merupakan kali pertama saya ke final pertandingan nyanyian.

"Saya bukan sahaja tidak menduga menjadi juara tetapi turut kagum dengan bakat para peserta yang lain. Ini kerana semua finalis adalah yang terbaik dalam pertandingan ini. Saya pula terbaik sedikit sahaja daripada mereka.

"Kalau boleh, pada masa depan saya mahu mengangkat martabat lagu-lagu tradisional Melayu ke tahap yang lebih tinggi lagi," ujarnya yang bekerja



GAYA
Zaharmirzuan Azlan semasa mengalunkan lagu *Gambus Ibu* pada pertandingan tersebut.



JUARA Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2009, Zaharmirzuan Azlan (kiri) dan Noor Azmira Mohd. Rahim ceria bersama trofi masing-masing.



MUHAMMAD HANIZAM AZMAN

Gambar ROY AZIZ ABD. AZIZ

sebagai pembantu pejabat di Kuching, Sarawak.

Dengan kemenangan Zaharmirzuan itu, beliau merangkul hadiah wang tunai berjumlah RM10,000, trofi dan sijil yang disampaikan oleh Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Ketika ditanya tentang kelebihan yang ada pada dirinya sehingga menambat hati para juri profesional, beliau yang menyanyikan lagu *Wak Daeng* dan *Gambus Ibu* itu berkata, mungkin terdapat 'faktor x' pada dirinya.

"Saya rasa, saya ada faktor x pada diri saya. Mungkin gaya nyanyian saya yang *high pitch* merupakan faktor itu," katanya yang berasal dari Kampung Pinang Jawa, Kuching.

Pada pertandingan anjuran bersama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara itu, panel juri diketuai oleh Datuk Johari Salleh bersama empat lagi juri iaitu Aspalela Abdullah, S. Atan, Andre Goh dan Nassier Wahab.

Naib johan Kategori Lelaki dimenangi oleh Muhammad Hilmi Idris, 21, dari Tanah Merah, Kelantan yang menyanyikan lagu *Seri Medan* dan *Gambus Palembang* dengan merangkul wang tunai RM8,000, trofi serta sijil penyertaan.

Tempat ketiga Kategori Lelaki diraih oleh Muhammad Hanizam Azman yang mendendangkan lagu *Laila Majnun* dan *Pantun Dahulu* membawa pulang hadiah wang tunai RM6,000, trofi dan sijil.

Sementara itu, juara Kategori Wanita pertandingan itu, Noor Azmira Mohd. Rahim, turut membuktikan bahawa usia muda tidak menghalangnya meminati lagu-lagu Melayu asli.

Pelajar Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) berusia 20 tahun ini berkata, kerana minatnya itulah dia kini menyambung pengajian dalam jurusan muzik tradisional di akademi tersebut.

"Saya belajar jurusan vokal muzik tradisional di Fakulti Muzik, Aswara peringkat diploma. Saya akan menggunakan wang kemenangan saya ini untuk menyiapkan projek akhir pengajian saya itu. Kalau ada peluang saya mahu menyambung pengajian di peringkat ijazah di Aswara.

"Dengan cara ini, saya bukan sahaja dapat belajar teknik menyanyikan lagu-lagu tradisional tetapi juga



MARDIANA ALWI

mempraktikkan apa yang saya pelajari di Aswara," jelas anak ketujuh daripada sembilan beradik berasal dari Kuala Lumpur ini.

Dengan kemenangan itu, Noor Azmira yang menyanyikan lagu *Seri Mahligai* dan *Air Mata Hati* menerima hadiah wang tunai berjumlah RM10,000, trofi dan sijil.

Pemenang tempat kedua Kategori Wanita diungguli oleh Zarith Syuhada Mohd. Yasin yang mengalunkan lagu *Hati Sedih* dan *Johor Sport Club* dengan merangkul hadiah wang tunai RM8,000, trofi dan sijil.

Zarith Syuhada, 18, dan berasal dari Taman Cheng Jaya, Melaka memperolehi kemenangan berganda apabila diumumkan memenangi kategori Persembahan Terbaik dan meraih hadiah wang tunai RM2,000.

Tempat ketiga Kategori Wanita pula disandang oleh Mardiana Alwi, 21, yang berasal dari Senai, Johor dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM6,000, trofi dan sijil.

Mardiana yang juga bekas graduan Aswara dalam jurusan teater membawakan lagu *Tudung Saji* dan *Zapin Pusaka* turut meminati lagu-lagu Melayu asli sejak kecil atas dorongan keluarganya.

"Saya mula menyanyikan lagu-lagu Melayu asli ketika berusia sembilan tahun. Sewaktu sekolah, saya pernah

lakonan dan nyanyian bagaikan irama dan lagu dalam diri saya," ujarnya lagi.

Selain enam pemenang itu, enam lagi finalis *Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2009* ialah Mohd. Imran Kamarudin, Muhd. Fadlullah Abd. Majid, Mohd. Idham Razli, Ermi Sanisha Suran, Hazlifha diahana Rosli dan Norashikin Che Hashim.

Mereka masing-masing menerima hadiah saguhati berupa wang tunai RM1,000, trofi dan sijil. Turut serta pada majlis penyampaian hadiah itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Kamaruddin Siaraf.



ZARITH SHUHADA MOHD. YASIN